

06 SEP 1998

Sabbaruddin-Anwar

SABBARUDDIN: JANGAN BABITKAN ORANG LAIN DALAM MASALAH PERIBADI

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik menasihati orang ramai agar tidak memburukkan lagi keadaan berkaitan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

"Kalau pergi untuk menziarah tidak mengapa, tetapi jangan pergi untuk mengapi-apikan dia," katanya selepas merasmikan Pesta Budaya Amal anjuran bersama gedung perniagaan City Square, Persatuan Pelancongan Kuala Lumpur (KLTA) dan Badan Amal Negeri Selangor di sini.

Sabbaruddin, yang juga Setiausaha Agung Umno, menyatakan kesal terhadap tindakan Anwar membabitkan orang ramai, terutamanya pelajar dalam menghadapi masalahnya itu.

"Sebaiknya saya fikir dia tak sepatutnya membawa masalah peribadi kepada orang ramai, khususnya kepada pelajar dan persatuan-persatuan lain," katanya.

Menurutnya, Anwar seharusnya merujuk kepada mahkamah jika tidak berpuas-hati, tanpa perlu membabitkan orang lain dalam masalah yang dihadapinya.

"Buktikan hanya di mahkamah...jangan libatkan orang lain..kalau tak percaya mahkamah susahlah... kita harus percaya kepada mahkamah," katanya.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan hari berikutnya beliau dipecat dari jawatan Timbalan Presiden dan anggota Umno.

Sabbaruddin berkata penjelasan terhadap pelucutan keanggotaan Anwar dalam Umno akan diberikan oleh Perdana Menteri, yang juga presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini tidak lama lagi.

Mengenai kesan isu itu terhadap Sukan Komanwel, yang akan bermula minggu depan, Sabbaruddin berkata perkara itu tidak berkaitan dengan temasya sukan itu, melainkan jika ada mereka yang tidak bertanggungjawab sengaja hendak memburukkan nama negara.

"Takkanlah kerana kepentingan peribadi kita sanggup merosakkan kepentingan negara...perancangan yang telah dibuat oleh ramai orang...kalau ada yang sanggup buat, bermaksud prinsipnya adalah amat hina sekali," katanya.

Menyentuh tentang semangat reformasi yang sedang dilaungkan oleh Anwar, Sabbaruddin berkata Anwar sepatutnya berbuat demikian sewaktu beliau berada di dalam kerajaan.

Pesta amal sehari itu bertujuan memperkenalkan budaya Malaysia, seperti tradisi mengacau dodol dan permainan tradisional kepada golongan muda dan para pelancong bersempena sambutan temasya sukan itu.

-- BERNAMA

NHZ RI